

PELUCUTAN PEMIMPIN MENURUT PRINSIP DAN KAEDAH FIQH (LEGAL MAXIM): MENURUT PANDANGAN IMAM AL-SYAFIE DAN IMAM AL-GHAZALI

Dismissal of Leaders According to the Principles and Methods of Fiqh (Legal Maxim): According to the Views of Imam al-Syafie and Imam al-Ghazali

NADIAH MOHD ZIN*, FABLI YUSOF, ROSITAH KAMBUL, NUR MUHAMMAD
IQZUAN SAMSUDIN & SITI NUR HUSNA ABD RAHMAN¹

ABSTRACT

This study examines the dismissal of leaders from the perspective of fiqh principles and legal maxims, focusing on the views of Imam al-Shafi'i and Imam al-Ghazali. The analysis highlights key fiqh maxims such as; al-darar yuzal (harm must be eliminated), al-mashaqqah tajlib al-taysir (hardship brings ease), and sadd al-dhara'i (blocking the means to harm) as foundational justifications for removing a leader who fails to uphold leadership trust and justice. Employing a qualitative approach based on document and comparative textual analysis of classical and contemporary sources, the findings reveal that both scholars agree that leadership dismissal is permissible when justice, trust, and administrative competence are violated. Imam al-Shafi'i emphasizes legal and formal legitimacy, while Imam al-Ghazali focuses on maslahah (public interest), stability, and the prevention of societal discord. The synthesis of their perspectives forms a balanced fiqh siyasah framework that harmonizes the pursuit of justice with political stability. The study concludes that leadership removal is not merely a political act but a shar'ī mechanism grounded in maqasid al-shariah, ensuring public welfare and remaining relevant to contemporary constitutional democracies such as Malaysia.

Keywords: *Leadership dismissal, legal maxims, Imam al-Shafi'i, Imam al-Ghazali, fiqh siyasah*

PENDAHULUAN

Pelucutan pemimpin merupakan antara isu paling kritikal dalam sistem pemerintahan Islam kerana kelangsungan seseorang pemimpin tidak hanya dinilai daripada sudut keabsahan

¹ Nadiyah Mohd Zin* Ph.D. Lecturer at the Faculty of Law, Governance and International Relations, Universiti Islam Melaka (UNIMEL), Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Alor Gajah, Melaka, MALAYSIA. Email: nadiyah_mohdzin@unimel.edu.my, Fabli Yusof, Ph.D. Lecturer at the Faculty of Law, Governance and International Relations, Universiti Islam Melaka (UNIMEL), Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Alor Gajah, Melaka, MALAYSIA. Email: fabli@unimel.edu.my, Rositah Kambul, Ph.D. Lecturer at the Faculty of Law, Governance and International Relations, Universiti Islam Melaka (UNIMEL), Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Alor Gajah, Melaka, MALAYSIA. Email: rositah@unimel.edu.my, Nur Muhammad Iqzuan Samsudin, Ph.D. Lecturer at the Faculty of Law, Governance and International Relations, Universiti Islam Melaka (UNIMEL), Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Alor Gajah, Melaka, MALAYSIA. Email: iqzuan@unimel.edu.my, Siti Nur Husna Abd Rahman, Ph.D. Lecturer at the Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, 71300 Negeri Sembilan, MALAYSIA. Email: snhusna@uitm.edu.my

politik, tetapi turut diikat oleh prinsip syarak dan kaedah fiqh yang mengawal amanah kepimpinan. Artikel ini meneliti secara analitis pandangan Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali terhadap pelucutan pemimpin dengan memberi tumpuan kepada kaedah fiqh terpilih seperti al-darar yuzal (kemudaran hendaklah dihapuskan) dan al-mashaqqah tajlib al-taysir (kesukaran membawa kepada kemudahan), di samping kaedah sadd al-dhara'i (menutup jalan kerosakan). Imam al-Syafie menampilkan pendekatan yang lebih formal dan ketat berasaskan kelayakan syarie dan syarat-syarat zahir kepimpinan, manakala Imam al-Ghazali menggariskan pendekatan yang lebih fleksibel dan kontekstual dengan menekankan dimensi masalah, mafsadah dan kestabilan masyarakat. Melalui analisis perbandingan terhadap karya klasik serta tulisan kontemporari, artikel ini merumuskan satu kerangka fiqh yang boleh dijadikan asas syarak dalam menjustifikasikan pelucutan pemimpin apabila terbukti wujud kezaliman, pengkhianatan amanah dan kemudaran yang nyata terhadap umat. Perbincangan dalam artikel ini turut menghubungkan dapatan dengan realiti sistem pemerintahan moden seperti demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan di Malaysia.

Skop kajian ini merangkumi empat dimensi utama, iaitu skop kaedah fiqh, skop tokoh, skop pendekatan analisis dan skop konteks aplikasi semasa. Dari sudut kaedah fiqh, kajian ini menumpukan kepada beberapa kaedah fiqh terpilih yang relevan dengan pelucutan pemimpin, khususnya al-darar yuzal dan al-mashaqqah tajlib al-taysir yang menjadi kerangka utama, serta disokong oleh kaedah sadd al-dhara'i sebagai kerangka tambahan bagi menutup jalan ke arah kerosakan. Dari sudut tokoh pula, kajian ini tertumpu kepada analisis mendalam terhadap pandangan dua tokoh besar, iaitu Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali, berhubung syarat-syarat kepimpinan, justifikasi pelucutan, serta keseimbangan antara keadilan, masalah dan kestabilan politik dalam sesebuah pemerintahan. Dari perspektif pendekatan analisis, kajian ini menggunakan analisis perbandingan terhadap hujahan kedua-dua tokoh yang dibaca melalui lensa kaedah fiqh serta kerangka fiqh siyasah, bagi melihat bagaimana prinsip-prinsip fiqh diaplikasikan dalam menilai pelucutan pemimpin. Seterusnya, dari sudut konteks aplikasi semasa, kajian ini menghubungkan dapatan klasik dengan realiti pemerintahan moden, khususnya sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan di Malaysia, bagi melihat kerelevanan prinsip fiqh dalam penilaian pelucutan pemimpin masa kini dan bagaimana ia boleh berfungsi sebagai asas etika serta panduan normatif kepada penggubal dasar dan masyarakat.

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk menganalisis prinsip asas dan kaedah fiqh terpilih, terutamanya al-darar yuzal dan al-mashaqqah tajlib al-taysir, yang menjadi landasan utama pandangan Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali tentang pelucutan pemimpin. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan menjelaskan tafsiran dan justifikasi kedua-dua tokoh terhadap situasi yang membolehkan pelucutan pemimpin, termasuk syarat-syarat yang perlu dipenuhi, batasan-batasan yang wajar dipelihara dan pertimbangan-pertimbangan syarak yang mesti diambil kira sebelum sesuatu pelucutan dilaksanakan. Seterusnya, kajian ini berhasrat menilai persamaan dan perbezaan pendekatan Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali serta meneliti kerelevanan kerangka pemikiran mereka untuk diaplikasikan dalam konteks kepimpinan moden, khususnya di Malaysia, sebagai satu asas normatif dan etika dalam menilai pelucutan pemimpin pada era kontemporari.

Dalam tradisi Islam, kepimpinan merupakan satu amanah besar yang berkait rapat dengan maqasid al-syariah. Pemimpin dituntut untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta rakyat dengan penuh tanggungjawab. Apabila amanah ini dicabuli melalui kezaliman,

rasuah, pengabaian tugas atau ketidakupayaan mentadbir, timbul persoalan sejauh mana seseorang pemimpin boleh terus dikekalkan atau perlu dilucutkan demi memelihara kemaslahatan umum. Walaupun pelucutan pemimpin sering dibaca sebagai isu politik semata-mata, fiqh siyasah dan kaedah fiqh menunjukkan bahawa ia pada hakikatnya merupakan mekanisme syarie untuk menghapuskan kemudaratan dan memulihkan keadilan dalam masyarakat. Justeru, kajian ini hadir untuk mengatur semula perbincangan berhubung pelucutan pemimpin dalam satu kerangka yang lebih sistematik dan bersepadu, dengan memberi fokus khusus kepada sumbangan pemikiran Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali sebagai dua tokoh penting dalam tradisi fiqh dan pemikiran politik Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan objektif berikut:

1. Menganalisis asas normatif pelucutan pemimpin dalam Islam melalui prinsip keadilan, amanah dan maqasid al syariah, serta mengaitkannya dengan disiplin fiqh siyasah.
2. Mengenal pasti dan menghuraikan kaedah fiqh terpilih seperti al darar yuzal, al mashaqqah tajlib al taysir dan sadd al dhara'i sebagai kerangka utama dalam menilai pelucutan pemimpin menurut perspektif syarak.
3. Meneliti secara perbandingan pandangan Imam al Syafie dan Imam al Ghazali berhubung syarat pelantikan, sebab pelucutan, dan keseimbangan antara keadilan serta kestabilan dalam pemerintahan.
4. Membina sintesis pemikiran kedua dua tokoh bagi menghasilkan satu kerangka fiqh siyasah yang bersepadu dalam menilai pelucutan pemimpin secara adil, beretika dan selaras dengan maqasid al syariah.
5. Menilai kerelevanan dan aplikasi kerangka tersebut dalam konteks pemerintahan moden, khususnya sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan di Malaysia, sebagai asas kepada pembinaan dasar dan etika kepimpinan Islam kontemporari.

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan membangunkan pemahaman fiqh yang lebih holistik terhadap pelucutan pemimpin agar ia tidak hanya dilihat sebagai isu politik, tetapi sebagai mekanisme syarie untuk memelihara keadilan dan kemaslahatan umat.

KAJIAN LITERATUR

Perbincangan mengenai pelucutan pemimpin tidak boleh dipisahkan daripada wacana lebih luas tentang kepimpinan Islam, fiqh siyasah dan tanggungjawab pemerintah terhadap rakyat. Secara umum, kepimpinan dilihat sebagai instrumen utama bagi merealisasikan maqasid al-syariah di peringkat negara. Abdul Aziz (2016) menegaskan bahawa kepimpinan dalam perspektif Islam berakar pada nilai tauhid dan takwa; pemimpin wajib memelihara hak rakyat serta mengelakkan apa jua bentuk kezaliman dan penindasan. Hasan Al-Banna Mohamed (2018) pula menekankan bahawa pembentukan kepimpinan berkualiti bergantung pada pematuan pemimpin kepada prinsip syariah, keluhuran akhlak dan keupayaan membuat keputusan yang menjamin kesejahteraan rakyat.

Walau bagaimanapun, banyak kajian tentang kepimpinan Islam lebih memberi fokus kepada ciri-ciri pemimpin ideal, etika kepimpinan atau model kepimpinan organisasi, berbanding pelucutan pemimpin sebagai mekanisme pembetulan apabila berlaku kegagalan. Dalam hal ini, wacana mengenai pelucutan pemimpin biasanya muncul secara sampingan dalam perbincangan mengenai kezaliman pemerintah, kewajipan menentang kezaliman atau isu nasihat kepada pemimpin, bukannya sebagai tema kajian tersendiri yang diikat dengan kaedah fiqh secara terperinci.

Antara sarjana klasik yang awal membincangkan institusi kepimpinan ialah al-Mawardi melalui al-Ahkam al-Sultaniyyah. Beliau menghuraikan syarat-syarat kelayakan imam atau khalifah, tanggungjawab pemerintahan serta keadaan-keadaan yang membenarkan pelucutan, termasuk apabila pemimpin hilang kelayakan, menjadi zalim atau tidak lagi mampu menjalankan tugas. Perbincangan al-Mawardi menjadi asas penting kepada wacana fiqh siyasah kemudian.

Dalam tradisi mazhab al-Syafie, karya Imam al-Syafie seperti al-Umm, serta ringkasan dan syarahannya, membentuk asas kefahaman tentang kelayakan pemimpin dan implikasi apabila syarat-syarat tersebut tidak dipenuhi. Sarjana kontemporari seperti Fadlan Mohd Othman (2023) merumuskan bahawa kepimpinan menurut perspektif Syafie bertunjangkan pemeliharaan maqasid al-syariah dan keadilan; pemimpin yang secara terang-terangan menzalimi rakyat, mengabaikan amanah atau mengkhianati kepentingan umum boleh dinilai sebagai tidak lagi layak untuk dikekalkan.

Imam al-Ghazali pula memperluas wacana kepimpinan dengan memasukkan dimensi spiritual, moral dan masalah secara lebih mendalam. Dalam karya seperti Ihya' 'Ulumuddin, beliau menegaskan bahawa pemimpin mesti menjaga hubungan dengan Allah SWT dan masyarakat, di samping mengurus urusan dunia dengan adil dan amanah (Abu Hamid al-Ghazali, 2020). Ade Afriansyah (2017) mendapati bahawa pemimpin menurut al-Ghazali mesti menjadi pelindung masalah; apabila pemimpin menjadi punca kerosakan dan kezaliman, kedudukannya sebagai pemegang amanah menjadi dipersoalkan. Lutfiyah Yahya (2023) menekankan bahawa etika kepimpinan al-Ghazali menjadikan pelucutan pemimpin suatu pilihan yang sah apabila kepimpinan menjadi punca kerosakan yang nyata.

Selain itu, kajian kontemporari seperti Ahmad Rafiki (2019) dan Shams-ur-Rehman Toor (2008) cuba menghubungkan antara teori kepimpinan Islam dan realiti organisasi moden. Mereka menonjolkan ciri-ciri utama kepimpinan Islam seperti keadilan, amanah, kebertanggungjawaban dan spiritualiti, namun isu pelucutan pemimpin masih kurang dijadikan

fokus utama. Tulisan Shukeri Mohamad et al. (2012) dan Muhammad Zaini et al. (2021) tentang kriteria pemimpin dalam al-Quran turut menegaskan keperluan kepada pemimpin yang beriman, bijaksana dan bertanggungjawab. Sekali lagi, pelucutan pemimpin disentuh secara implisit melalui kewajipan menolak kezaliman dan memelihara kemaslahatan umat.

Hubungan ulama dan pemimpin turut menjadi tema penting dalam sorotan literatur. Zulkifli Mohd al-Bakri (2023) dalam siri “Fiqh Menasihati Pemimpin” menghuraikan prinsip dan adab menasihati pemimpin serta menolak kezaliman melalui saluran yang berhemah, dengan meneliti batasan syarak supaya usaha pembetulan tidak menimbulkan fitnah lebih besar. Tulisan ini menunjukkan bahawa pembaikan kepimpinan tidak semestinya bermula dengan pelucutan, tetapi melalui nasihat dan pengislahan secara berperingkat. Walau bagaimanapun, apabila semua usaha pembetulan gagal dan kezaliman berterusan, maka keperluan pelucutan mula mendapat justifikasi syarie.

Dari sudut aplikasi pemikiran klasik dalam konteks politik moden, Alies Anor Abdul (2018) cuba membaca suasana politik Malaysia melalui pandangan al-Ghazali, khususnya dari aspek akhlak pemimpin, keadilan sosial dan tanggungjawab pemerintah dalam menjaga kestabilan dan kesejahteraan rakyat. Sumbangan ini menunjukkan potensi besar pemikiran klasik untuk dijadikan lensa penilaian terhadap realiti politik kontemporari, namun pelucutan pemimpin belum ditangani secara khusus dalam rangka kaedah fiqh yang tersusun.

Berdasarkan sorotan literatur di atas, dapat dikenal pasti beberapa jurang kajian yang sekali gus membentuk masalah kajian artikel ini. Secara umumnya, kajian-kajian lepas lebih banyak menumpukan perhatian kepada pembinaan profil pemimpin ideal, perbincangan tentang sifat-sifat utama dan etika kepimpinan, sedangkan aspek pelucutan pemimpin apabila berlaku kegagalan kepimpinan masih jarang dijadikan tema utama yang berdiri sendiri. Perbincangan tentang pelucutan pemimpin lazimnya hanya muncul secara sampingan dalam konteks menentang kezaliman atau menasihati pemimpin, bukan sebagai satu kerangka analisis yang khusus dan sistematik.

Di samping itu, walaupun pandangan Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali mengenai kepimpinan, keadilan dan masalah telah banyak dihuraikan oleh para sarjana, kajian perbandingan yang benar-benar tertumpu secara khusus kepada isu pelucutan pemimpin antara kedua-dua tokoh masih terhad. Perbandingan yang sistematik terhadap pandangan mereka mengenai pelucutan pemimpin, termasuk dari sudut dalil yang digunakan, kerangka hujah dan kaedah fiqh yang diaplikasikan, belum banyak dibangunkan. Dalam masa yang sama, kaedah-kaedah fiqh seperti al-darar yuzal, al-mashaqqah tajlib al-taysir dan sadd al-dhara'i kebiasaannya dibincangkan secara umum dalam wacana usul fiqh, sedangkan penghimpunan dan penerapan kaedah-kaedah ini secara khusus dan terstruktur bagi menilai isu pelucutan pemimpin dalam konteks pemerintahan moden masih kurang dikembangkan.

Jurang kajian ini menjadi lebih ketara apabila dilihat daripada sudut konteks politik dan perlembagaan moden, khususnya di Malaysia. Usaha untuk menghubungkan secara langsung pandangan Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali dengan mekanisme pelucutan pemimpin dalam sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan seperti melalui undi tidak percaya, peletakan jawatan atau pengguguran jawatan berasaskan peruntukan perlembagaan masih berada pada tahap asas. Berpijak pada jurang-jurang inilah, artikel ini dirangka untuk mengisi kekosongan tersebut melalui analisis perbandingan yang lebih terfokus, menggunakan

lensa kaedah fiqh serta menghubungkannya dengan konteks kepimpinan di Malaysia secara lebih tersusun.

KERANGKA KONSEPTUAL / MODEL KAJIAN

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibina bagi menggambarkan hubungan antara prinsip fiqh, pandangan tokoh, dan implikasi terhadap pelucutan pemimpin dalam konteks pemerintahan Islam. Kajian ini berasaskan andaian bahawa pelucutan pemimpin bukan sekadar isu politik, tetapi satu mekanisme syarie yang bertujuan menegakkan keadilan dan memelihara kemaslahatan umum (masalahah ‘ammah).

Tiga kaedah fiqh utama menjadi asas kepada model kajian ini, iaitu al darar yuzal (kemudaratan hendaklah dihapuskan), al mashaqqah tajlib al taysir (kesukaran membawa kemudahan) dan sadd al dhara’i (menutup jalan kerosakan). Ketiga-tiganya berfungsi sebagai kerangka nilai fiqh untuk menilai sejauh mana pelucutan pemimpin boleh dianggap wajar dan sah menurut syarak.

Pandangan Imam al Syafie dan Imam al Ghazali kemudiannya dipetakan kepada kerangka ini:

- Imam al Syafie menekankan aspek hukum, syarat kelayakan dan keabsahan institusi pelucutan, berasaskan prinsip keadilan dan amanah.
- Imam al Ghazali pula memberi tumpuan kepada masalah, kestabilan sosial dan hikmah politik, bagi memastikan pelucutan tidak membawa kerosakan lebih besar.

Gabungan kedua-dua pandangan ini membentuk satu sintesis fiqh siyasah yang menyeimbangkan antara keadilan (justice) dan kestabilan (stability).

Akhirnya, model ini menghubungkan prinsip fiqh klasik dengan konteks pemerintahan moden, khususnya sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan di Malaysia. Ini menunjukkan bagaimana pelucutan pemimpin boleh dilihat bukan semata-mata tindakan politik, tetapi juga sebagai langkah fiqh normatif bagi menghapuskan kemudaratan, meringankan kesukaran rakyat dan menutup jalan kerosakan terhadap negara serta agama.

Secara keseluruhannya, kerangka konseptual ini menunjukkan bahawa pelucutan pemimpin dalam Islam perlu dinilai berdasarkan tiga dimensi utama iaitu prinsip fiqh, pandangan tokoh dan konteks semasa. Gabungan ketiga-tiganya membentuk model penilaian pelucutan pemimpin yang berimbang antara keadilan syarie, kemaslahatan awam dan kestabilan politik, sejajar dengan objektif maqasid al syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan sepenuhnya dan tidak melibatkan pengumpulan data lapangan seperti temu bual atau soal selidik. Sebaliknya,

kajian ini memanfaatkan sumber-sumber bertulis sebagai bahan utama. Pendekatan ini dipilih kerana isu pelucutan pemimpin dalam fiqh, khususnya menurut Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali, banyak dihuraikan dalam teks-teks klasik dan kajian akademik yang memerlukan pembacaan mendalam serta penelusuran terhadap sejarah perkembangan pemikiran para ulama.

Dari sudut reka bentuk kajian, kajian ini berbentuk analisis dokumen dan analisis perbandingan. Teks-teks utama yang dijadikan rujukan merangkumi karya-karya klasik fiqh dan fiqh siyasah seperti al-Umm dan karya ringkasan mazhab Syafie, tulisan al-Mawardi serta karya al-Ghazali seperti Ihya' 'Ulumuddin. Di samping itu, kajian turut merujuk kepada karya-karya kontemporari yang menghuraikan konsep kepimpinan Islam, etika politik, fiqh menasihati pemimpin serta kajian-kajian yang secara khusus meneliti kepimpinan menurut Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali. Rujukan tambahan berkaitan sistem pemerintahan moden, khususnya tulisan yang menghubungkan teori kepimpinan Islam dengan konteks Malaysia, juga digunakan bagi memberi gambaran yang lebih menyeluruh terhadap aplikasi semasa.

Proses pengumpulan dan pemilihan data dilakukan melalui penelusuran pangkalan data ilmiah, perpustakaan fizikal dan digital, serta laman web institusi yang berautoriti. Bahan yang dipilih mesti mempunyai fokus yang jelas kepada kepimpinan Islam, fiqh siyasah atau pemikiran Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali. Di samping itu, bahan tersebut hendaklah mengandungi perbincangan tentang keadilan pemimpin, kezaliman, masalah, mafsadah atau pelucutan pemimpin, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya bahan yang ditulis oleh sarjana yang diiktiraf atau diterbitkan dalam jurnal dan terbitan berwasit diutamakan. Melalui proses penapisan berperingkat ini, hanya sumber yang benar-benar relevan dan berkualiti tinggi dihipunkan untuk dianalisis, sekali gus memastikan hujah yang dibina berasaskan rujukan yang kukuh.

Bagi tujuan analisis data, dua teknik utama digunakan, iaitu analisis kandungan (content analysis) dan analisis teks. Melalui analisis kandungan, tema-tema utama yang berulang dalam bahan rujukan dikenal pasti, seperti konsep amanah, keadilan, syarat kepimpinan, kezaliman, masalah, maqasid al-syariah dan pelucutan pemimpin. Tema-tema ini kemudiannya dikodkan secara sistematik dan disusun mengikut kategori yang bersesuaian dengan objektif kajian, agar perbincangan dapat disusun secara teratur dan saling berkaitan. Analisis teks pula digunakan untuk meneliti secara terperinci lafaz, konteks dan hujah yang dikemukakan oleh Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali, khususnya apabila kedua-dua tokoh ini menyentuh mengenai pemimpin zalim, kegagalan kepimpinan dan keperluan menghapuskan kemudaratan. Pendekatan ini membolehkan penulis memahami bukan sahaja maksud zahir teks, tetapi juga ruh, falsafah dan prinsip asas yang mendasari pandangan mereka.

Setelah tema-tema utama dikenal pasti melalui analisis kandungan dan analisis teks, kajian ini seterusnya melaksanakan analisis perbandingan antara pandangan Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali. Persamaan dan perbezaan dari segi syarat pelucutan pemimpin, penekanan terhadap masalah dan mafsadah, serta pendekatan terhadap kestabilan politik dihipunkan dan dibandingkan. Pemetaan ini kemudiannya dibaca melalui kerangka beberapa kaedah fiqh terpilih, khususnya kaedah al-darar yuzal, al-mashaqqah tajlib al-taysir dan sadd al-dhara'i. Dengan cara ini, kajian bukan sekadar membandingkan dua tokoh secara deskriptif, tetapi

berusaha mengatur semula pandangan mereka dalam satu kerangka kaedah fiqh yang boleh diaplikasikan secara lebih jelas kepada isu pelucutan pemimpin dalam konteks kontemporari.

Bagi menjamin ketelitian dan kebolehpercayaan dapatan, rujukan silang antara sumber klasik dan sumber kontemporari dilakukan secara berterusan. Pembacaan pelbagai versi terjemahan dan edisi buku turut membantu mengurangkan risiko penyimpangan makna atau salah tafsir terhadap teks asal. Selain itu, rujukan kepada sarjana kontemporari yang pakar dalam mazhab Syafie, pemikiran al-Ghazali dan fiqh siyasah digunakan sebagai asas triangulasi terhadap tafsiran yang dibuat, agar kesimpulan kajian ini tidak hanya bergantung kepada satu sudut bacaan semata-mata, tetapi disokong oleh pandangan ilmiah yang pelbagai dan berwibawa.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menghimpunkan dapatan utama kajian berhubung pelucutan pemimpin menurut perspektif fiqh, dengan fokus kepada pandangan Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali serta pemetaan pandangan mereka di bawah kerangka kaedah fiqh.

1. Dapatan Umum Mengenai Justifikasi Pelucutan Pemimpin dalam Fiqh.

Kajian ini mendapati bahawa secara umumnya ulama klasik sepakat bahawa pelucutan pemimpin dibenarkan oleh syarak apabila pemimpin tidak lagi memenuhi syarat asas kepimpinan Islam. Antara syarat yang sering ditekankan ialah keadilan, amanah, keupayaan mentadbir serta komitmen terhadap pemeliharaan maqasid al-syariah. Apabila syarat-syarat ini hilang atau dicabuli secara berterusan, kedudukan pemimpin sebagai *wali al-amr* menjadi dipersoalkan dan pelucutan boleh dipertimbangkan sebagai satu kewajipan syarie demi memelihara kemaslahatan umat.

Dapatan juga menunjukkan bahawa pelucutan pemimpin dalam tradisi fiqh tidak pernah dimaksudkan sebagai tindakan yang bermotif politik semata-mata atau berpaksikan persaingan kuasa. Sebaliknya ia digambarkan sebagai mekanisme pembetulan berasaskan syarak untuk memulihkan keadilan, menghapuskan kemudaratan dan menutup pintu kerosakan yang lebih besar. Penekanan yang kuat terhadap konsep amanah, tanggungjawab dan hisbah menegaskan bahawa kedudukan pemimpin bukan hak mutlak individu, tetapi satu jawatan yang boleh digugurkan apabila gagal menunaikan tujuan asal pelantikan.

2. Dapatan Perbandingan di antara Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali Mengenai Pelucutan Pemimpin

Dari sudut asas konsep pelucutan pemimpin, dapatan kajian menunjukkan bahawa pandangan Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali mempunyai titik temu yang kuat, walaupun dengan penekanan berbeza. Imam al-Syafie lebih menonjolkan aspek kelayakan formal dan syarat-syarat zahir kepimpinan seperti keadilan, amanah dan keabsahan hukum. Mana-mana pemimpin yang secara nyata kehilangan keadilan, mengkhianati amanah, melakukan kezaliman berterusan atau gagal mentadbir urusan negeri dengan baik boleh dinilai sebagai telah gugur kelayakan syarie untuk terus memimpin.

Imam al-Ghazali pula menggariskan kerangka yang lebih menonjolkan dimensi masalah, mafsadah dan etika rohani. Beliau menekankan bahawa keabsahan kepimpinan tidak hanya bergantung kepada pematuhan literal terhadap syarat-syarat zahir, tetapi juga kepada sejauh mana pemimpin mampu menjamin kestabilan sosial, mencegah fitnah dan memelihara kesejahteraan rakyat. Justeru, pemimpin yang menjadi punca kerosakan meluas, fitnah politik,

kezaliman sistemik dan runtuhnya masalah umum boleh dianggap telah gagal memenuhi tujuan asal kepimpinan, sekali gus membuka ruang kepada pelucutan. Perbandingan ringkas antara kedua-dua tokoh dapat dilihat melalui **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1: Dapatan Perbandingan di antara Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali Mengenai Pelucutan Pemimpin

Aspek Utama	Imam al-Syafie	Imam al-Ghazali
Fokus asas konsep pelucutan	Menekankan kelayakan formal dan syarat zahir kepimpinan seperti keadilan, amanah dan keabsahan hukum.	Menekankan masalah dan mafsadah, etika rohani, kestabilan sosial dan politik sebagai asas menilai kedudukan pemimpin.
Punca utama pelucutan	Pelucutan dipertimbangkan apabila pemimpin hilang keadilan, mengkhianati amanah, zalim secara berterusan dan gagal mentadbir.	Pelucutan dipertimbangkan apabila pemimpin menjadi punca kerosakan meluas, fitnah politik, kezaliman sistemik dan runtuhnya masalah umum.
Penilaian terhadap kegagalan pemimpin	Kegagalan diukur berdasarkan pelanggaran syarat syarie dan amanah yang jelas dari sudut hukum.	Kegagalan diukur berdasarkan kesan meluas terhadap masyarakat, kestabilan negara dan terjejasnya maqasid al-syariah.
Matlamat pelucutan	Mengembalikan kepimpinan kepada syarat syarie yang sah dan memulihkan keabsahan pemerintahan.	Menghapuskan kerosakan menyeluruh, memulihkan kestabilan dan mengembalikan masalah masyarakat secara holistik.
Nada pendekatan	Lebih formal, berstruktur dan tertumpu pada aspek hukum serta legitimasi zahir.	Lebih kontekstual, pragmatik dan menekankan keseimbangan antara menolak kezaliman dan menjaga kestabilan masyarakat.

Perbandingan dalam **Jadual 1** ini menunjukkan bahawa sekalipun Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali berbeza dari sudut titik tumpu dan gaya pendekatan, kedua-duanya berpijak pada asas yang sama, iaitu keperluan memastikan kepimpinan tidak terlepas daripada syarat keadilan, amanah dan pemeliharaan masalah umat. Perbezaan penekanan antara aspek formal hukum yang ditekankan oleh Imam al-Syafie dan aspek masalah kestabilan yang ditonjolkan oleh Imam al-Ghazali sebenarnya saling melengkapi dalam membentuk kerangka penilaian pelucutan pemimpin yang lebih menyeluruh. Justeru, dapatan ini menyediakan asas penting untuk perbincangan seterusnya mengenai bagaimana kedua-dua kerangka tersebut boleh disintesisasikan bagi menangani realiti pelucutan pemimpin dalam konteks pemerintahan moden.

3. Dapatan Perbandingan di antara Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali Mengenai Prosedur Pelucutan Pemimpin

Dari sudut prosedur pelucutan pemimpin, dapatan kajian menunjukkan bahawa Imam al-Syafie memberikan penekanan yang lebih jelas terhadap peranan institusi dan pihak berautoriti seperti *ahli al-hall wa al-'aqd* dan majlis syura. Pelucutan pemimpin menurut kerangka ini hendaklah dilaksanakan melalui prosedur yang teratur dan disahkan oleh pihak yang diiktiraf memiliki autoriti untuk menilai kelayakan pemimpin. Ini bertujuan mengelakkan kekacauan, tindakan individu atau kelompok tertentu yang melampaui batas, serta memastikan pelucutan tidak dijadikan helah untuk perebutan kuasa yang tidak sah. Penekanan terhadap prosedur

institusional ini menggambarkan keprihatinan Imam al-Syafie terhadap aspek legitimasi dan tertib dalam proses pelucutan.

Imam al-Ghazali turut mengiktiraf keperluan kepada musyawarah dan proses yang tersusun, tetapi beliau memberi penekanan yang lebih kuat kepada pertimbangan kesan sosial dan politik daripada sesuatu tindakan pelucutan. Prosedur pelucutan menurut pendekatan al-Ghazali bukan sahaja perlu sah dari sudut hukum, bahkan mesti mengambil kira kemungkinan berlakunya fitnah, perpecahan dan tumpahan darah jika proses tersebut tidak diurus dengan berhikmah. Maka, dalam keadaan tertentu, beliau lebih mengutamakan usaha pembaikan dalaman, nasihat dan pengislahan sebelum pelucutan dilaksanakan, kecuali jika kerosakan yang ditimbulkan oleh pemimpin telah mencapai tahap yang lebih besar daripada risiko yang bakal timbul akibat pelucutan. Perbandingan ringkas antara kedua-dua tokoh dapat dilihat melalui **Jadual 2** di bawah,

Jadual 2: Dapatan Perbandingan di antara Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali Mengenai Prosedur Pelucutan Pemimpin

Aspek Prosedur	Imam al-Syafie	Imam al-Ghazali
Peranan institusi	Menegaskan peranan <i>ahli al-hall wa al-'aqd</i> dan majlis syura sebagai pihak berautoriti menilai kelayakan pemimpin.	Mengiktiraf keperluan musyawarah oleh pihak yang amanah dan berilmu, tetapi dengan penekanan kuat kepada hikmah dan kesan sosial.
Bentuk proses pelucutan	Proses pelucutan perlu teratur, formal dan dilakukan melalui saluran institusi yang sah bagi menjaga legitimasi.	Proses pelucutan perlu sah di sisi syarak, tetapi juga mesti diurus dengan bijaksana agar tidak menimbulkan fitnah dan kekacauan.
Keutamaan sebelum pelucutan	Menuntut penilaian berhati-hati, tetapi menekankan bahawa pemimpin yang hilang syarat syarie tidak wajar dikekalkan.	Mengutamakan usaha pembaikan dalaman, nasihat dan pengislahan sebelum pelucutan dilaksanakan, selagi kerosakan belum melampau.
Pertimbangan risiko dan kestabilan	Mengambil kira kestabilan, namun menegaskan bahawa keadilan dan syarat syarie tetap menjadi pertimbangan utama.	Sangat menekankan risiko fitnah, perpecahan dan potensi pertumpahan darah jika pelucutan tidak diurus dengan berhikmah.
Sikap terhadap tindakan tergesa-gesa	Menolak pelucutan secara individu atau kumpulan tanpa autoriti; prosedur mestilah jelas dan tidak tergesa-gesa.	Menolak tindakan tergesa-gesa yang boleh membuka ruang kepada kerosakan lebih besar berbanding mengekalkan pemimpin buat sementara.
Implikasi kepada konteks kontemporari	Menyokong keperluan prosedur perundangan dan institusi yang jelas seperti badan legislatif atau syura rasmi.	Menyokong keperluan menimbang implikasi politik dan sosial dalam menggunakan mekanisme perlembagaan yang ada.

Dapatan dalam **Jadual 2** berhubung prosedur pelucutan pemimpin memperlihatkan bahawa kedua-dua tokoh bukan sahaja menekankan keabsahan sebab pelucutan, bahkan memberi perhatian serius terhadap cara pelucutan itu dilaksanakan. Penegasan Imam al-Syafie terhadap peranan institusi berautoriti dan proses yang teratur, apabila dibaca bersama penekanan Imam al-Ghazali terhadap faktor hikmah, kestabilan dan risiko fitnah, menunjukkan bahawa pelucutan pemimpin tidak boleh dipisahkan daripada kerangka tadbir urus yang terancang dan beretika. Perbandingan ini menjadi titik berangkat yang penting untuk menghuraikan dalam

perbincangan bagaimana prinsip-prinsip tersebut boleh diharmonikan dengan mekanisme pelucutan pemimpin yang diinstitusikan dalam sistem politik berperlembagaan masa kini

4. Dapatan berkaitan Aplikasi Kaedah Fiqh terhadap Isu Pelucutan Pemimpin.

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan bahawa perbincangan Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali berhubung pelucutan pemimpin boleh dirumuskan dengan lebih teratur apabila isu tersebut dipetakan kepada tiga kaedah fiqh utama, iaitu *al-darar yuzal*, *al-mashaqqah tajlib al-taysir* dan *sadd al-dhara'i*. Melalui pemetaan ini, pelucutan pemimpin tidak lagi dilihat sebagai keputusan politik semata-mata, tetapi sebagai tindakan yang berada dalam kerangka disiplin usul dan kaedah fiqh yang telah mantap. **Jadual 3** ini memperincikan intipati setiap kaedah dan cara ia berfungsi sebagai asas penilaian terhadap sama ada seorang pemimpin wajar dikekalkan atau dilucutkan.

Jadual 3: Dapatan berkaitan Aplikasi Kaedah Fiqh terhadap Isu Pelucutan Pemimpin.

Kaedah Fiqh	Intipati Kaedah	Aplikasi terhadap Pelucutan Pemimpin
<i>Al-darar yuzal</i>	Segala bentuk kemudaratan hendaklah dihapuskan mengikut kemampuan dan kaedah yang dibenarkan syarak.	Pemimpin yang menjadi sumber kerosakan kepada agama, institusi, ekonomi dan maruah rakyat tidak wajar dikekalkan; pelucutan dilihat sebagai langkah menghapuskan kemudaratan.
<i>Al-mashaqqah tajlib al-taysir</i>	Kesukaran yang tidak sepatutnya ditanggung akan membuka ruang kepada kemudahan dan rukhsah selagi tidak bercanggah dengan nas.	Menyekat pelucutan dalam keadaan rakyat menanggung kesukaran sistemik akibat kegagalan pemimpin bercanggah dengan semangat kaedah; pelucutan boleh menjadi “kemudahan” syarie untuk mengangkat beban kesukaran.
<i>Sadd al-dhara'i</i>	Wajib menutup jalan-jalan yang membawa kepada kerosakan walaupun pada asalnya perkara tersebut harus.	Pelucutan pemimpin yang berulang kali menyalahgunakan kuasa dan mewujudkan budaya politik rosak dianggap langkah pencegahan bagi menutup pintu kerosakan jangka panjang.
Gabungan tiga kaedah	Ketiga-tiga kaedah berfungsi saling melengkapi dalam menilai kemudaratan, kesukaran dan potensi kerosakan.	Keputusan melucutkan pemimpin hendaklah berpandukan usaha menghapuskan mudarat, mengangkat kesukaran rakyat dan mencegah kerosakan yang lebih besar pada masa hadapan.

Secara ringkasnya berkaitan dapatan dalam **Jadual 3** ini, ketiga-tiga kaedah tersebut membentuk rangka nilai yang saling melengkapi. Kaedah *al-darar yuzal* menggariskan kewajipan menghapuskan kemudaratan yang timbul daripada kepimpinan yang menyimpang, manakala kaedah *al-mashaqqah tajlib al-taysir* membuka ruang kepada penyelesaian yang lebih memudahkan umat apabila beban kesukaran akibat kegagalan pemimpin menjadi terlalu berat untuk ditanggung. Dalam masa yang sama, kaedah *sadd al-dhara'i* memberikan dimensi pencegahan dengan menuntut agar jalan-jalan yang boleh menormalisasikan salah laku dan kezaliman pemimpin ditutup lebih awal sebelum kerosakan menjadi berakar umbi.

Apabila ketiga-tiga kaedah ini dibaca secara sinergi atau digabungkan, jelas bahawa pelucutan pemimpin menurut perspektif yang dihimpunkan daripada pemikiran Imam al-

Syafie dan Imam al-Ghazali merupakan satu keputusan yang sepatutnya diambil berasaskan pertimbangan menghapuskan mudarat, mengangkat kesukaran yang tidak wajar ditanggung rakyat serta mencegah kerosakan jangka panjang terhadap agama, negara dan masyarakat. **Jadual 3** yang dibentangkan dalam dapatan ini menjadi asas penting untuk perbincangan berikutnya tentang bagaimana kerangka kaedah fiqh tersebut boleh dioperasionalkan dalam konteks sistem pemerintahan moden.

PERBINCANGAN

Perbincangan terhadap dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa isu pelucutan pemimpin dalam Islam bukan sekadar persoalan politik semasa, tetapi merupakan medan aplikasi yang sangat kaya bagi prinsip fiqh, kaedah fiqh dan maqasid al-syariah. Dapatan umum kajian menunjukkan bahawa ulama klasik mengakui kewujudan ruang syarie untuk melucutkan pemimpin apabila syarat asas kepimpinan Islam tidak lagi dipenuhi. Keadilan, amanah, keupayaan mentadbir serta komitmen terhadap pemeliharaan maqasid al-syariah bukan sahaja dilihat sebagai sifat ideal, tetapi sebagai pra-syarat keabsahan kepimpinan. Apabila syarat-syarat ini tercabut melalui kezaliman sistemik, pengkhianatan amanah atau kegagalan mentadbir yang berpanjangan, kedudukan pemimpin sebagai wali al-amr menjadi goyah dan pelucutan bukan lagi satu pilihan politik, bahkan boleh berubah menjadi tuntutan syarie demi memelihara kemudaratan yang lebih besar.

Perbandingan antara Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali mengenai konsep pelucutan pemimpin, sebagaimana dirumuskan dalam dapatan kedua di dalam Jadual 1, menegaskan bahawa kedua-dua tokoh berpijak pada asas nilai yang sama, walaupun titik tumpu mereka berbeza. Imam al-Syafie menonjolkan dimensi hukum yang lebih formal, menilai keabsahan pemimpin berdasarkan pematuhan terhadap syarat zahir seperti keadilan dan amanah. Pandangan ini menggesa agar penilaian terhadap pemimpin dibuat secara objektif melalui indikator yang jelas dan berpaksikan prinsip syarak. Imam al-Ghazali pula membawa masuk dimensi masalah dan mafsadah secara lebih eksplisit. Beliau bukan sahaja menyoal sama ada pemimpin memenuhi syarat zahir, tetapi turut menilai sejauh mana kepimpinan itu benar-benar menatijahkan kesejahteraan umat, keamanan sosial dan kestabilan politik. Perbezaan penekanan ini tidak mewujudkan pertentangan, sebaliknya menghasilkan satu spektrum penilaian yang luas, daripada penentuan kelayakan hukum yang formal di satu hujung, sehinggalah penilaian kesan substantif terhadap masyarakat di hujung yang lain.

Dapatan ketiga yang memberi fokus kepada prosedur pelucutan pemimpin yang dinyatakan dalam Jadual 2, memperlihatkan kesedaran mendalam kedua-dua tokoh terhadap bahaya pendekatan yang tidak bertertib dalam menangani isu ini. Imam al-Syafie menegaskan keperluan kepada saluran institusi yang sah seperti ahli al-hall wa al-'aqd dan majlis syura, agar proses penilaian terhadap pemimpin dilaksanakan oleh pihak yang memiliki ilmu, wibawa dan autoriti. Pelucutan pemimpin menurut kerangka ini perlu berlaku secara teratur, dapat disemak dan mempunyai legitimasi institusi, bukan hasil tindakan spontan kelompok tertentu yang mungkin didorong sentimen atau agenda sempit. Imam al-Ghazali, tanpa menafikan kepentingan institusi, beliau memberi penekanan kuat kepada dimensi hikmah, kestabilan dan risiko fitnah. Beliau mengingatkan bahawa proses pelucutan yang tidak dirancang dengan teliti boleh membuka pintu kepada kekacauan, perpecahan dan mungkin kerosakan yang lebih besar daripada kezaliman pemimpin sedia ada. Oleh itu, beliau cenderung mengutamakan proses nasihat, islah dalaman dan pembetulan berperingkat sebelum pelucutan dilaksanakan, kecuali

apabila kerosakan yang ditimbulkan pemimpin jelas lebih besar daripada segala risiko yang dikhuatiri.

Secara sintesis, gabungan kedua-dua pendekatan ini membentuk kerangka prosedur yang seimbang, dari satu sisi, pelucutan tidak boleh ditangguh tanpa alasan apabila syarat-syarat syarie kepimpinan hilang, manakala dari sisi yang lain pula, pelucutan juga tidak boleh dilaksanakan secara terburu-buru tanpa menilai impak sosial dan politik jangka panjang. Hasilnya, pelucutan pemimpin muncul sebagai proses yang perlu memenuhi dua (2) lapisan serentak, iaitu lapisan keabsahan hukum dan lapisan hikmah politik. Di sinilah letaknya kedalaman fiqh siyasah Islam yang berbeza daripada retorik politik semata-mata.

Dapatan keempat yang dinyatakan dalam Jadual 3, yang memetakan isu pelucutan pemimpin kepada tiga (3) kaedah fiqh utama, iaitu al-darar yuzal, al-mashaqqah tajlib al-taysir dan sadd al-dhara'i, mengukuhkan lagi kefahaman bahawa pelucutan pemimpin adalah sebahagian daripada strategi syarie untuk memelihara kemaslahatan umum. Kaedah al-darar yuzal menggariskan kewajipan menghapuskan kemudaratan, yang mana dalam konteks ini, pemimpin yang menjadi punca kerosakan kepada agama, institusi, ekonomi dan maruah rakyat tidak wajar dikekalkan atas alasan kesetiaan kepada politik atau kepentingan kelompok tertentu. Kaedah al-mashaqqah tajlib al-taysir pula membuka ruang untuk menilai sama ada beban kesukaran yang ditanggung rakyat akibat kegagalan kepimpinan telah mencapai tahap yang menjustifikasikan satu "kemudahan" syarie, iaitu perubahan kepimpinan melalui pelucutan, pengunduran sukarela atau penstrukturan semula pemerintahan. Sementara itu, kaedah sadd al-dhara'i memberi amaran agar normalisasi salah laku dan kezaliman pemimpin tidak dibiarkan, kerana membiarkan pemimpin yang rosak kekal berkuasa berisiko menormalisasikan budaya politik yang korup dan menutup peluang pembaikan generasi akan datang.

Apabila ketiga-tiga kaedah ini dibaca secara bersama, ia menawarkan satu kerangka penapisan yang sangat kuat. Pelucutan pemimpin tidak lagi dinilai hanya berdasarkan sama ada "rakyat mahu perubahan" atau tidak, tetapi berdasarkan persoalan yang lebih mendasar iaitu adakah mengekalkan pemimpin tersebut akan terus memanjangkan kemudaratan, membebankan masyarakat dengan kesukaran yang tidak wajar, dan membuka jalan kepada kerosakan yang lebih besar di masa hadapan? Jika jawapannya ya, maka keperluan pelucutan menjadi sebahagian daripada amanah fiqh, bukan sekadar tuntutan politik. Inilah titik di mana Dapatan 1, Dapatan 2 : Jadual 1, Dapatan 3 : Jadual 2 dan Dapatan 4 : Jadual 3 bertemu dan saling menguatkan.

Dari sudut teori, kesemua dapatan ini memperlihatkan bahawa pelucutan pemimpin boleh diangkat sebagai satu subtopik penting dalam fiqh siyasah yang berdiri sendiri, bukan sekadar sisipan dalam perbincangan tentang kezaliman pemerintah atau adab menasihati pemimpin. Kajian ini menyusun semula wacana yang berselerak kepada empat dimensi yang saling berkaitan antara satu sama lain iaitu asas normatif (dapatan umum), kerangka pemikiran tokoh (dua jenis perbandingan), dan bingkai kaedah fiqh (aplikasi usul). Kombinasi ini menyumbang kepada pembinaan satu rangka kerja teori yang lebih sistematik untuk menilai pelucutan pemimpin daripada perspektif Syariah, dan boleh dijadikan asas bagi kajian lanjutan yang lebih khusus, termasuk kajian empirikal terhadap persepsi ulama, pembuat dasar dan masyarakat.

Dari sudut amalan dan konteks pemerintahan moden, khususnya di Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan, kerangka ini

mempunyai implikasi yang signifikan. Mekanisme seperti undi tidak percaya, pengunduran sukarela, pengguguran jawatan dalam parti atau pertukaran kerajaan selepas pilihan raya biasanya dibaca hanya dalam kerangka perlembagaan dan undang-undang sivil. Dengan memasukkan pandangan Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali serta kerangka kaedah fiqh ke dalam bacaan ini, pelucutan pemimpin boleh ditafsirkan sebagai tindakan yang bukan sahaja sah dari sudut perlembagaan, tetapi juga boleh disandarkan kepada asas syarie, selagi ia memenuhi prinsip menghapuskan kemudaratan, mengangkat kesukaran rakyat dan mencegah kerosakan jangka panjang. Ini memberi ruang untuk membangunkan wacana politik yang lebih beretika, di mana pelucutan pemimpin dinilai bukan berdasarkan sentimen kepartian, tetapi berdasarkan sejauh mana tindakan itu mendekatkan negara kepada maqasid al-syariah.

Dalam konteks ini, ulama, ilmuwan undang-undang, ahli politik dan masyarakat Muslim dapat menggunakan kerangka dapatan kajian ini sebagai kompas moral. Mereka boleh membezakan antara pelucutan yang berpaksikan prinsip keadilan dan pelucutan yang digerakkan oleh nafsu perebutan kuasa. Mereka juga boleh berhujah bahawa mempertahankan pemimpin yang terbukti zalim, korup atau cuai terhadap amanah adalah tindakan yang bercanggah dengan kaedah fiqh dan maqasid, sekaligus melemahkan integriti sistem pemerintahan Islam yang cuba dibina.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa pelucutan pemimpin menurut perspektif Imam al-Syafie dan Imam al-Ghazali bukanlah suatu tindakan pinggir, tetapi suatu mekanisme penting dalam fiqh siyasah yang bertujuan menjaga kemuliaan pemerintahan Islam. Dapatan umum mengesahkan bahawa pelucutan pemimpin dibenarkan apabila syarat asas kepimpinan tidak lagi dipenuhi. Perbandingan konsep pelucutan menunjukkan bahawa Imam al-Syafie menyediakan kerangka penilaian yang tegas dan formal, manakala Imam al-Ghazali memperkayakannya dengan pertimbangan masalah dan kestabilan. Perbandingan prosedur pula menegaskan keperluan pelucutan yang diurus secara institusional dan berhikmah, agar keadilan ditegakkan tanpa mencetuskan kerosakan baharu. Akhirnya, pemetaan isu ini kepada kaedah al-darar yuzal, al-mashaqqah tajlib al-taysir dan sadd al-dhara'i mengangkat pelucutan pemimpin sebagai keputusan fiqh yang mesti dinilai melalui lensa penghapusan mudarat, pengangkatan beban kesukaran dan pencegahan kerosakan jangka panjang.

Dengan sintesis ini, pelucutan pemimpin tidak lagi kelihatan sebagai sekadar episod dramatis dalam sejarah politik, tetapi sebagai sebahagian daripada projek besar membina kepimpinan dan governans yang benar-benar selari dengan maqasid al-syariah. Dalam konteks Malaysia dan dunia Islam hari ini, kerangka ini berpotensi menjadi asas kepada budaya politik yang lebih berakauntabiliti, di mana pemimpin sedar bahawa kedudukan mereka bukan sahaja diawasi oleh undang-undang manusia, tetapi juga ditimbang di neraca fiqh dan maqasid. Justeru, kajian ini bukan sahaja menyusun semula pandangan klasik dalam bentuk yang lebih sistematik, bahkan membuka ruang kepada wacana baharu tentang bagaimana institusi dan masyarakat boleh menggunakan disiplin fiqh untuk menuntut kepimpinan yang adil, telus dan berintegriti tinggi kepimpinan yang bukan sahaja sah di mata perlembagaan, tetapi juga mulia di sisi Tuhan.

Dapatan kajian ini mempunyai implikasi praktikal yang signifikan terhadap pembinaan dasar dan budaya tadbir urus Islam di peringkat negara. Kerangka fiqh siyasah yang dirumuskan boleh dijadikan panduan kepada pembuat dasar, institusi agama, dan pihak berautoriti dalam menilai keabsahan kepimpinan serta menentukan prosedur pelucutan secara adil dan beretika.

Prinsip fiqh seperti al darar yuzal boleh dijadikan asas penilaian integriti politik dan mekanisme akauntabiliti dalam sistem pemerintahan Islam moden. Selain itu, pendekatan ini boleh disepadukan dalam modul latihan kepimpinan, etika politik, dan pentadbiran Islam bagi memastikan keputusan berkaitan pemimpin berpaksikan keadilan dan kesejahteraan rakyat.

KESIMPULAN

Kajian Kajian ini menegaskan bahawa pelucutan pemimpin dalam Islam bukanlah tindakan politik semata mata, tetapi satu mekanisme syarie untuk menegaskan keadilan, menghapuskan kemudarat dan memelihara maqasid al syariah. Berdasarkan analisis terhadap pandangan Imam al Syafie dan Imam al Ghazali, pelucutan pemimpin dibenarkan apabila syarat asas kepimpinan seperti keadilan, amanah dan keupayaan mentadbir gagal dipenuhi. Imam al Syafie lebih menekankan aspek keabsahan hukum dan proses institusional melalui ahli al hall wa al aqd atau majlis syura, manakala Imam al Ghazali menekankan pertimbangan masalah, kestabilan dan hikmah dalam mengelakkan fitnah serta kerosakan yang lebih besar. Gabungan kedua dua pendekatan ini menghasilkan kerangka pelucutan pemimpin yang berimbang antara legitimasi hukum dan kebijaksanaan politik.

Dari sudut sumbangan, kajian ini memperkenalkan satu kerangka penilaian pelucutan pemimpin berasaskan kaedah fiqh al darar yuzal, al mashaqqah tajlib al taysir dan sadd al dhara'i yang boleh dijadikan panduan etika dan dasar dalam sistem pemerintahan Islam moden. Secara praktikal, ia memberi panduan kepada institusi pemerintahan dan masyarakat Muslim dalam memastikan proses pelucutan dilaksanakan secara adil, teratur dan berlandaskan syarak.

Implikasi kajian menunjukkan bahawa prinsip fiqh mampu diintegrasikan dengan sistem politik moden seperti demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan untuk membentuk budaya kepimpinan berakauntabiliti. Kajian lanjutan disarankan untuk menilai persepsi ulama, pembuat dasar dan masyarakat terhadap aplikasi kerangka ini dalam konteks politik Malaysia dan dunia Islam kontemporari.

Secara keseluruhannya, pelucutan pemimpin menurut prinsip fiqh bukanlah proses menjatuhkan, tetapi usaha memulihkan keadilan, menjaga kemaslahatan dan memperkukuh kemuliaan sistem pemerintahan Islam sejati.

Kajian lanjutan disarankan untuk menilai persepsi ulama, penggubal dasar, dan masyarakat terhadap aplikasi kerangka fiqh ini dalam situasi politik sebenar di Malaysia. Penyelidikan empirikal juga boleh dijalankan bagi mengukur tahap kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap konsep pelucutan pemimpin berasaskan maqasid al syariah. Selain itu, kajian perbandingan antara mazhab lain seperti Hanafi dan Maliki boleh memperkaya kefahaman terhadap prinsip pelucutan pemimpin dalam pelbagai konteks sosial dan politik dunia Islam.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Islam Melaka (UNIMEL) atas sokongan akademik dan kemudahan penyelidikan yang diberikan dalam penyediaan artikel ini.

KENYATAAN SUMBANGAN PENULIS (AUTHOR CONTRIBUTION STATEMENT)

Semua penulis terlibat secara aktif dalam penyusunan konsep, analisis data, penulisan dan semakan akhir manuskrip ini secara kolektif.

KENYATAAN TIADA KONFLIK KEPENTINGAN (CONFLICT OF INTEREST STATEMENT)

Penulis mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

Abdul Aziz. (2016). Kepemimpinan dalam Perspektif Islam Asosiasi Alumni Pelatihan Kepemiluan Internasional 'BRIDGE' di Indonesia, JIU VOL3 No.1, Januari 2016.

Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. (2020). Ringkasan Ihya' 'Ulumuddin. Selangor: Pustaka al-Ehsan.

Ade Afriansyah. (2017). "Konsep Pemimpin Ideal Menurut al-Ghazali." Jurnal NALAR, 1(2).

Ahmad Rafiki. (2019). "Islamic Leadership: Comparisons and Qualities." Journal of Management & Business, Universitas Medan Area.

Al Qaradaghi, A. (2023). Applications of Fiqh Siyasah in Modern Muslim States. Journal of Islamic Law Studies.

Alies Anor Abdul. (2018). "Politik Malaysia menurut Imam al-Ghazali." Artikel dalam talian, YADIM.

Al-Mawardi, 'Ali ibn Muhammad. (1995). Al-Ahkam al-Sultaniyyah (The Ordinances of Government) (Wafaa H. Wahba, Terj.). Berkshire: Garnet Publishing & Ithaca Press.

Burhanuddin Jalal. (1994). "Etika kepimpinan Umar al-Khattab" Berita Harian, 30 Disember 1994. Jabatan Kenegaraan, Kepemimpinan dan Ketamadunan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Fadlan Mohd Othman. (2023). "Concepts of Leadership in the Shafi'i School of Thought." Journal of Islamic Governance Studies, 15(3), 45-67.IIUM.

Hasan Al-Banna Mohamed. (2018). Islam dan Pembentukan Kepimpinan Berkualiti: Islam and the Formation of Quality Leadership. Zulfaqr Journal of Defence Management, Social Science & Humanities, 1(1), 11–29.

Hashim, M., & Rafiki, A. (2024). Ethical Leadership and Islamic Governance. International Journal of Islamic Management.

Kamus Dewan: edisi keempat; Editor, Sheikh Othman bin Sheikh Salim; Publisher, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007; Length, 1817 pages.

Lutfiyah Yahya. (2023). "Ethics of Leadership in Islamic Thought: The Views of Al-Ghazali." Journal of Islamic Governance Studies, 20(2), 78-94.

Muhammad Zaini et.al (2021), Kriteria Pemimpin Dalam Al-Qur'an Dan Aplikasinya Pada Masyarakat Kemukiman Lamgarot Aceh Besar, Fakultas Ushuluddin dan Filsafat Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Indonesia. *Journal of Qur'anic Studies*, Vol. 6, No. 1, pp. 47-59, Januari-Juni 2021.

Pustaka Imam Asy-Syafi'i, (2019). Susunan Al-Imam Al-Muzani, "Ringkasan Kitab Al-Umm Rujukan Utama Fiqih Mazhab Asy-Syafi'i", Jilid 2, cetakan 2. Pustaka Imam Asy-Syafi'i. (isbn : 978-602-6360-38-0)

Shams-ur-Rehman Toor, (2008), Merging Spirituality And Religion: Developing An Islamic Leadership Theory, *IIUM Journal of Economics and Management* 16, no. 1 (2008): 15-46. The International Islamic University Malaysia.

Shukeri Mohamad, Ahmad Najib Abdullah, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, (2012), Rahsia Kepimpinan Islam dan Kejayaan Negara Menurut Huraian al-Quran, *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*, 2 Centre of Quranic Research (CQR).

Yahya, L. (2023). Revisiting Al Ghazali's Political Ethics in Modern Context. *Islamic Thought Review*.

Zulkifli Mohd al-Bakri. (2023). "Al-Mawaqif #25: Fiqh Menasihati Pemimpin: Panduan Kepada Para Ulama." Laman web rasmi Dr Zulkifli al-Bakri.